



UNTUK SIARAN SEGERA

MGB CATAT PERTUMBUHAN KUKUH SUKU KETIGA FYE2024 DENGAN KENAIKAN 30% DALAM PAT

Dipacu Oleh Prestasi Kewangan Cemerlang Segmen Pembangunan Hartanah

SELANGOR, 20 November 2024 – MGB Berhad ("MGB" atau "Kumpulan"), penyedia solusi pembinaan dan pembangunan harta tanah terkemuka serta anak syarikat LBS Bina Group Berhad, hari ini mengumumkan keputusan kewangan suku ketiga yang berakhir pada 31 Disember 2024 ("Q3FYE2024"). Keputusan ini mencerminkan pertumbuhan kukuh dalam prestasi kewangan bagi suku tersebut dan untuk tempoh terkumpul sembilan (9) bulan.

Bagi Q3FYE2024, MGB mencatat peningkatan tahun ke tahun yang memberangsangkan sebanyak 12.9%, dengan pendapatan meningkat kepada RM289.2 juta berbanding RM256.1 juta pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disumbang terutamanya oleh segmen pembangunan harta tanah, yang mencatatkan lonjakan pendapatan empat kali ganda, daripada RM29.2 juta kepada RM132.2 juta, hasil daripada kemajuan pesat dalam pembangunan projek Idaman Melur, Idaman Cahaya, Idaman Sari, serta Pangsapuri Saujana Indah. Seiring dengan itu, keuntungan sebelum cukai ("PBT") bagi suku ini meningkat sebanyak 24.0%, daripada RM17.9 juta kepada RM22.2 juta, manakala keuntungan selepas cukai ("PAT") turut menunjukkan peningkatan sebanyak 29.9%, daripada RM12.7 juta kepada RM16.5 juta.

Bagi tempoh sembilan bulan yang berakhir pada 30 September 2024, segmen pembangunan harta tanah mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang luar biasa, dengan peningkatan tujuh kali ganda daripada RM51.7 juta kepada RM369.3 juta. Pencapaian ini menyumbang kepada kenaikan pendapatan keseluruhan MGB sebanyak 16.3%, iaitu daripada RM666.5 juta pada tempoh yang sama tahun lalu

kepada RM775.1 juta. Seiring dengan pertumbuhan pendapatan ini, keuntungan sebelum cukai (“PBT”) meningkat sebanyak 27.6%, daripada RM50.8 juta kepada RM64.8 juta, manakala keuntungan selepas cukai (“PAT”) menunjukkan kenaikan sebanyak 26.7%, daripada RM37.4 juta kepada RM47.7 juta. Prestasi kukuh ini mencerminkan komitmen Kumpulan untuk mengekalkan kecekapan operasi melalui pengurusan kawalan kos yang ketat bagi semua projek. Dengan memfokuskan strategi ini, Kumpulan terus memastikan pelaksanaan projek yang cemerlang, meningkatkan keuntungan, dan mengekalkan pertumbuhan mampan.

Mengulas mengenai prestasi kewangan tersebut, Tan Sri Dato’ Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San, Pengurus Eksekutif Kumpulan, berkata, “Prestasi kewangan suku ketiga ini mengukuhkan komitmen MGB untuk mencipta nilai melalui pertumbuhan mampan. Momentum yang konsisten dalam segmen pembangunan harta tanah dan pembinaan, terutamanya melalui inisiatif perumahan mampu milik, terus menjadi keutamaan utama MGB.”

“Komitmen dan dedikasi kami dalam menyediakan penyelesaian perumahan mampu milik terus menjadi pamacu utama kejayaan kami. Kami sentiasa berinovasi, memperbaharui operasi pembinaan, serta meningkatkan produktiviti dan kualiti untuk memastikan kami kekal kompetitif dan relevan dalam persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah. Fokus ini membolehkan kami menyempurnakan pembinaan rumah dengan cekap sambil mengekalkan standard tinggi dan memastikan harga kekal mampu milik. Ini selaras dengan misi kami untuk menjadikan perumahan berkualiti dapat diakses oleh semua.”

Setakat 30 September 2024, kedudukan kewangan MGB kekal kukuh dengan baki tunai dan bank sebanyak RM107.2 juta serta aset bersih sesaham berjumlah RM1.00. Setakat 31 Oktober 2024, Kumpulan memiliki kira-kira RM1.2 bilion dalam buku pesanan pembinaan dan RM0.7 bilion dalam jualan belum ditagih daripada

pembangunan harta tanah. Kedua-dua faktor ini dijangka menyumbang secara positif kepada keuntungan apabila tahun kewangan memasuki suku terakhir 2024.

-Tamat-

Mengenai MGB Berhad

Ditubuhkan pada 2007, MGB Berhad ("MGB") telah berkembang menjadi syarikat pembinaan serta penyedia solusi perkhidmatan dan pembangunan harta tanah dengan perhatian utama memfokuskan kepada penyelesaian kepada penyediaan pembinaan yang lebih efisien serta kos efektif yang merangkumi kepelbagaiannya industri, terutamanya pasaran pembinaan secara meluas dan ruang kediaman mampu milik bagi gaya hidup rakyat Malaysia.

Melalui anak-anak syarikatnya, MGB menyediakan kapasiti penuh reka bentuk, pembinaan serta perkhidmatan pembangunan termasuk mereka bentuk, membina, pengurusan projek, kejuruteraan sivil, kejuruteraan nilai, kepakaran geoteknikal serta pengeluaran Sistem Konkrit Tetuang (IBS).

Dengan rekod cemerlang selama 15 tahun di dalam bidang pembinaan residensi, komersial serta bangunan industri dan kerja-kerja infrastruktur, MGB berdiri kukuh di samping berjaya menyiapkan lebih dari sebanyak 29,000-unit harta tanah, terutamanya di segmen kediaman mampu milik. MGB juga telah berjaya menyiapkan 12,000 buah rumah dengan menggunakan teknologi IBS.

Untuk maklumat lanjut, layari www.mgbgroup.com.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

1. **Jabatan Komunikasi Korporat, Media & Digital, LBS**
Emel: media@lbs.com.my
2. **Lee Tec Minn**
Emel: leetm@mgbgroup.com.my
3. **Sandra Tan, Imej Jiwa Sdn Bhd**
Emel: sandra@imejiwa.com
4. **Elizabeth Tan, Imej Jiwa Sdn Bhd**
Emel: elizabeth@imejiwa.com